


# Hilang segalanya gara-gara pemiutang berlesen



**TERJERAT DEK HUTANG:** Encik Ali (bukan nama sebenar) terjerumus dalam masalah hutang bagi menyelamatkan perniagaannya. - Foto ihsan ENCIK ALI

12 Nov 2014

**NORHAIZA HASHIM**

ENCIK Ali (bukan nama sebenar) seorang peniaga berjaya dan mempunyai kelulusan sarjana dalam pentadbiran perniagaan (MBA).

Tetapi akibat masalah pelanggan lewat melunas bayaran, kedudukan kewangan firma Encik Ali terjejas hingga beliau terpaksa mendapatkan pinjaman daripada empat firma pemiutang berlesen bagi menampung kos perniagaannya.

Ternyata, langkah itu satu kesilapan besar kerana ia tidak menghuraikan masalah kewangannya, sebaliknya menjerumuskan beliau ke dalam masalah hutang berat.

"Saya mendapatkan pinjaman sebanyak \$38,000 daripada empat firma pemiutang berlesen. Setiap bulan, saya bayar duit bunga tepat pada waktunya. Tetapi, saya mendapati hutang saya tak habis-habis.

"Wang saya habis digunakan untuk membayar faedahnya sahaja. Apabila saya kira balik, faedah yang saya bayar sahaja mencapai \$134,910. Habis semua wang simpanan saya gunakan. Kereta dan motosikal saya juga saya jual," singkap Encik Ali, 49 tahun, yang ditemu ramah baru-baru ini.

Apabila menyedari jumlah faedah yang beliau bayar jauh melebihi hutangnya, Encik Ali berhenti bayar.

Sejurus selepas itu, mulalah beliau dicari firma-firma pemiutang yang bertindak bak tailong.

"Apabila saya berhenti bayar, mereka bertindak agresif. Mereka asyik menelefon mencari saya. Seorang lelaki bertatu datang ke rumah saya meminta bayaran.

"Hidup saya dan keluarga saya tunggang-langgang. Kami sentiasa berasa takut. Saya tidak sangka hidup saya boleh berubah sekelip mata gara-gara meminjam daripada pemiutang," kata beliau.

Nasihat beliau kepada orang lain: jangan perangkap diri dengan berhutang, sekalipun daripada firma pemiutang berlesen.

"Pengalaman saya ialah mereka bersikap profesional apabila kita meminta pinjaman tetapi apabila kita berhenti bayar, mereka menjadi agresif dan menakut-nakutkan kita sehingga kehidupan kita jadi porak-peranda," ujar Encik Ali, yang kemudian mendapat nasihat menghuraikan masalah hutangnya daripada Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP).